



Serdang Angels atasi MASKOM Eagles di UPM, Serdang, semalam.

Ragbi Super 8

Serdang Angels, UiTM Lions buat perhitungan

Serdang: Tiada kuasa institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang mampu menggugat pasukan Serdang Angels dan UiTM Lions daripada menempah tempat ke perlawanan akhir Ragbi Super 8 IPT 2019 selepas membelasah lawan masing-masing pada saingan separuh akhir di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, petang semalam.

Serdang Angels paling menyer- + lah apabila langsung tidak memberi ruang kepada pasukan Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM) apabila membelasah lawannya itu, 113-10. Pemain-pemain Serdang Angels silih berganti melakukan try dalam perlawanan ini.

Diperkuatkan tiga pemain kebangsaan iaitu Mohamad Khai-rul Abdullah Ramli, Lawrence Petrus dan Muhamad Hafizin Ai-man Halim ternyata Serdang Angels bukan lawan MASKOM. Tiga Try pemain sayap, Muhammad Fitri Abdullah meletakkan dia penjaring terbanyak skuadnya.

Keputusan itu sekali gus meletakkan Serdang Angels yang juga juara lima kali dan final keenam hari ini sebagai pilihan untuk muncul juara sekali lagi.

“Saya tetap hormat UiTM Lions. Aksi esok (hari ini) pasti sengit. Kami pernah bertemu di final sirkit MASUM baru-baru ini. Walaupun menang tapi esok (hari ini) pemain kami tak boleh ambil mudah,” kata pengendali pasukan Serdang Angels, Khai-rizal Ali Ahmad.

Dalam pada itu, UiTM Lions turut kenduri gol ke atas pasukan Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM) dengan keputusan 31-7 bagi melangkah ke perlawanan akhir sekali gus membuat perhitungan kali kelima dengan Serdang Angels.

UiTM Lions yang turut dibantu dua pemain kebangsaan iaitu Mohamad Faris Pead dan Muhammad Danial Noor Hamid bagaimanapun mengakui lawan mereka itu mempunyai kelebihan pada perlawanan akhir, hari ini.